

# UNI-ISABGOL (Ispaghula Husk Oral Powder)

Psyllium Husk (100% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uni-Isabgol
2. Bagaimana Uni-Isabgol berfungsi
3. Sebelum mengambil Uni-Isabgol
4. Cara mengambil Uni-Isabgol
5. Semasa menggunakan Uni-Isabgol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uni-Isabgol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Uni-Isabgol

Untuk meningkatkan pergerakan usus untuk masalah sembelit.

## Bagaimana Uni-Isabgol berfungsi

Uni-Isabgol mengandungi serat semulajadi yang tinggi untuk membantu memulihkan dan mengekalkan fungsi badan.

## Sebelum menggunakan Uni-Isabgol

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Alergi (hipersensitif) terhadap psyllium husk.
- Sekiranya anda mempunyai halangan usus, najis tersumbat di dalam kolon atau pengurangan pergerakan usus yang disebabkan oleh kesan ubat dan keadaan di mana otot usus telah kehilangan kekuatannya seperti *senile megacolon*.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

#### *Mengandung dan menyusukan anak*

Uni-Isabgol boleh digunakan semasa mengandung dan penyusuan kerana ispaghula husk tidak diserap oleh saluran gastrousus.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Ispaghula dan bulk-forming laxatives yang lain mungkin melambatkan atau mengurangkan penyerapan gastrousus ubat-ubatan lain seperti cardiac glycosides, coumarin derivatives, lithium, atau vitamin (seperti vitamin

B12) dan mineral (seperti kalsium, zat besi, atau zink) ke dalam gastrousus.

Selang masa 30 minit hingga 1 jam disyorkan antara ispaghula dan ubat-ubatan atau makanan-makanan lain, walaupun ada yang mengesyorkan sehingga selang masa 3 jam antara bulk-forming laxative dan ubat-ubatan lain-lain. Dos untuk insulin mungkin perlu dikurangkan bagi individu kencing manis yang mengambil ispaghula.

## Cara mengambil Uni-Isabgol

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Uni-Isabgol seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

**Orang dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun:** Dua sudu teh pagi dan petang.

**Kanak-kanak 6-12 tahun:** Setengah hingga satu sudu teh bergantung pada saiz dan umur, pagi dan petang.

**Kanak-kanak di bawah 6 tahun:** Diperlukan hanya apabila ditetapkan oleh doktor. Setengah hingga satu sudu teh bergantung pada saiz dan umur, pagi dan petang.

Dos yang terakhir tidak boleh diambil sejurus sebelum tidur.

Sekiranya tidak terdapat pembuangan air besar selepas 3 hari rawatan atau jika berlaku sakit perut atau sekiranya berlaku pembuangan najis tidak tetap, penggunaan psyllium harus dihentikan dan rujuk kepada doktor.

\* Catatan: Dua sudu teh adalah kira-kira 3.5 gram.

Cadangan lain semasa penggunaan: Campurkan dengan sebarang makanan dan minuman tanpa menjejaskan rasa:

- Campurkan Uni-Isabgol dengan sebarang jus buah-buahan segar atau minuman kegemaran. Kacau sebelum diminum.
- Taburkan kandungan Uni-Isabgol pada makanan kegemaran.

- Campurkan Uni-Isabgol dengan sebarang minuman panas, kacau sebelum diminum.
- Sentiasa ambil sekurang-kurangnya 150 mL air atau cecair lain.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Uni-Isabgol seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Sekiranya terlebih dos, anda mungkin dapat merasa ketidakselesaan pada bahagian perut dan kembung perut.

## Semasa menggunakan Uni-Isabgol

### -Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Uni-Isabgol.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

# UNI-ISABGOL (Ispaghula Husk Oral Powder)

Psyllium Husk (100% w/w)

- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Uni-Isabgol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sila ambil sejumlah besar cecair/ air semasa mengambil produk ini.
- Uni-Isabgol harus dikacau ke dalam segelas air dan diambil segera, sebaik-baiknya selepas makan.
- Apabila menyediakan produk ini untuk diambil, adalah penting untuk cuba mengelak daripada menghirup sebarang serbuk untuk meminimumkan risiko kesan sensitif terhadap bahan aktif.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Uni-Isabgol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan hipersensitif berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- *rhinitis* (hidung tersumbat, hidung berair dan bersin)
- *konjunktivitis* (kemerahan pada mata)
- *bronchospasm* (kesukaran bernafas)
- *anaphylaxis* (tindak balas alergi yang teruk)

Sedikit kembung perut mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### **Uni-Isabgol**

#### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan bawah 30°C. Lindungi daripada kelembapan.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Sekam berwarna pudar ke sederhana kuning perang yang mempunyai rasa tersendiri yang tidak kuat dan sedikit melekat. Selepas dilarutkan, ia membentuk gel seperti gelatin.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Psyllium Husk.

- Bahan-bahan tidak aktif

Tiada.

### -Nombor MAL

MAL14125077X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

23/11/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)151117/00318